



**TEKS UCAPAN**

**YANG AMAT BERHORMAT  
DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB  
PERDANA MENTERI**

**SEMPENA  
MAJLIS PELANCARAN BENIH PADI IS21**

**LOKASI: SUNGAI LEMAN, SEKINCHAN, SELANGOR  
TARIKH: 20 NOVEMBER 2021 (SABTU)  
JAM: 10.00 PAGI**

**Bismillahirrahmannirrahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam  
Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.**

**SALUTASI**

**(*Salutation akan dikemaskini*)**

- 1. YB DATO' SRI DR. ADHAM BABA  
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**
- 2. YAB DATO' SERI AMIRUDIN SHARI  
Menteri Besar Selangor**
- 3. YB DATUK SERI DR RONALD KIANDEE  
Menteri Pertanian dan Industri Makanan**
- 4. YB DATUK HAJI AHMAD AMZAD HASHIM  
Timbalan Menteri MOSTI**
- 5. YB TUAN HJ MUSLIMIN YAHAYA  
Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan  
Koperasi  
yang juga Ahli Parlimen Sungai Besar, Selangor**
- 6. YBHG. DATUK ZAINAL ABIDIN ABU HASSAN  
Ketua Setiausaha MOSTI**
- 7. YBHG. DATO' HASLINA ABDUL HAMID  
Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri  
Makanan**

- 8. YBRS. TS. DR. SITI A'IASAH HASHIM  
Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia**
  
- 9. Dif-dif kehormat, para pesawah, petani, penduduk  
Sekinchan dan Keluarga Malaysia yang dikasihi.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi, dengan limpah dan izin-Nya dapat kita bersama pada pagi ini dalam Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 (I-S-dua-puluh-satu).
2. Beras merupakan sumber bahan makanan utama negara dan sudah pasti produktiviti industri padi serta beras menjadi tumpuan sektor agromakanan negara memandangkan nasi merupakan makanan ruji rakyat Malaysia.
3. Bagi memastikan sumber makanan ini terjamin, selamat dan mencukupi, kerajaan sentiasa berusaha ke arah mencari kaedah-kaedah terbaik yang mampu meningkatkan penghasilan padi dan beras.
4. Tidak dilupakan, kumpulan yang memainkan peranan penting dalam produktiviti industri padi dan beras ini adalah para pesawah dan petani yang arif soal isu dan cabaran melibatkan industri padi dan beras negara.

### **Keluarga Malaysia yang saya kasihi,**

5. Berdasarkan laporan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (atau PBB), penduduk dunia dijangka meningkat kepada 9.7 bilion pada tahun 2050<sup>1</sup>. Pertubuhan Makanan dan

---

<sup>1</sup> <https://www.un.org/development/desa/en/news/population/world-population-prospects-2017.html>

Pertanian turut menganggarkan pengeluaran pertanian dan makanan bakal menunjukkan peningkatan kira-kira 70 peratus bagi memenuhi permintaan makanan dan pemakanan masyarakat global menjelang tahun 2050<sup>2</sup>.

6. Namun, perubahan iklim dijangka menyumbang kepada masalah kekurangan bekalan makanan dunia pada masa hadapan. Malah mutakhir ini, kesan perubahan iklim telah mula dirasakan dengan pendapatan golongan yang berada dalam sektor pertanian terjejas akibat pengurangan hasil.
7. Kerajaan sentiasa memastikan usaha bagi mempertingkatkan produktiviti industri padi dan beras dilakukan secara proaktif termasuk memperkenalkan teknologi-teknologi terkini bagi mendepani cabaran serta memperkasakan lagi keupayaan.
8. Namun, tanggungjawab ini tidak boleh diletakkan di bahu Kerajaan, pesawah dan petani semata-mata tetapi memerlukan usaha bersama sebagaimana sering saya tekankan iaitu keterangkuman dan kebersamaan yang merupakan antara teras utama konsep Keluarga Malaysia.

---

<sup>2</sup> <https://www.oecd.org/agriculture/topics/food-security/> dan [https://www.fao.org/fileadmin/templates/wsfs/docs/Issues\\_papers/HLEF2050\\_Global\\_Agriculture.pdf](https://www.fao.org/fileadmin/templates/wsfs/docs/Issues_papers/HLEF2050_Global_Agriculture.pdf)

9. Sehubungan itu, saya menyeru supaya lebih ramai penyelidik tempatan dalam pelbagai bidang kepakaran tampil untuk turut sama mengetengahkan *Research & Development* (atau R&D) masing-masing dan menggembeng tenaga bagi membangunkan inovasi agromakanan ke arah memacu Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi, seterusnya meningkatkan taraf hidup Keluarga Malaysia.

**Keluarga Malaysia yang saya kasihi,**

10. Kerajaan sentiasa bersiap siaga bagi mendepani cabaran dunia dan tampil dengan pelbagai inisiatif yang berpaksikan rakyat, termasuk Rancangan Malaysia Kedua Belas (atau RMKe-12) iaitu pelan pembangunan menyeluruh untuk manfaat Keluarga Malaysia yang makmur, inklusif dan mampan.

11. Sasaran utama kerajaan adalah ke arah negara berteknologi tinggi serta berpendapatan tinggi. Bagi memastikan matlamat ini dapat dicapai, program penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) dikenalpasti sebagai salah satu teras utama RMKe-12.

12. Dalam konteks ini, peranan MOSTI amat penting dalam merangka strategi R&D&C&I melalui pembangunan dan pembudayaan sains, teknologi dan inovasi (STI) dalam kalangan Keluarga Malaysia.

**Keluarga Malaysia yang saya kasihi,**

13. Pada hari yang bersejarah ini, saya akan melancarkan salah satu projek teknologi berimpak tinggi oleh MOSTI iaitu baka padi baharu IS21 oleh Agensi Nuklear Malaysia.

14. Untuk makluman, Agensi Nuklear Malaysia yang menghasilkan benih padi IS21 ini telah menerima pengiktirafan daripada *International Atomic Energy Agency* dan *Food and Agriculture Organisation* sempena Persidangan Agung kali ke-65 di Vienna, Austria pada bulan September baru-baru ini.

15. Pengiktirafan yang diterima adalah bagi Anugerah Pencapaian dalam Bidang Biak Baka Mutasi Tanaman. Benih padi IS21 ini adalah bukti kejayaan kerajaan melalui MOSTI dan Agensi Nuklear Malaysia yang telah mengharumkan nama negara di pentas antarabangsa. Syabas dan tahniah diucapkan.

16. Saya berharap MOSTI akan terus tampil dengan hasil penyelidikan dan pembangunan berkualiti yang mampu melakar lebih banyak kejayaan di masa hadapan.

**Keluarga Malaysia yang saya kasihi,**

17. Suka saya kongsi beberapa keistimewaan varieti benih padi IS21 ini. Untuk makluman, benih padi ini berdaya tahan tinggi terhadap cuaca yang tidak menentu dan mempunyai rintang terhadap beberapa penyakit padi yang sering menyerang dan merugikan pesawah.

18. Selain itu, baka padi IS21 ini juga berpotensi memberi hasil tuai yang tinggi dan dapat meningkatkan pendapatan para pesawah jika diurus dengan baik mengikut garis panduan yang disyorkan kerajaan.

19. IS21 mampu mengeluarkan hasil padi sehingga 9 tan sehektar mengikut kawasan penanaman.

20. Sementara itu, kos penanaman dapat dikurangkan sebanyak 10 hingga 20 peratus kerana penggunaan baja dan racun perosak yang kurang. Hasil tuaian juga boleh meningkat sebanyak 40 sehingga 67 peratus, bergantung kepada kawasan tanaman dan amalan kultura petani.



21. Inisiatif MOSTI menghasilkan varieti padi baharu IS21 ini adalah salah satu usaha pelengkap dalam usaha meningkatkan sekuriti makanan negara dan ia selaras dengan hasrat kerajaan bagi meningkatkan tahap sara diri (*self-sufficient level*) padi negara, seterusnya mampu mengurangkan kebergantungan kepada beras import pada masa hadapan.

### **Keluarga Malaysia yang saya kasihi,**

22. Mendukung Aspirasi Keluarga Malaysia, Bajet 2022 yang dibentangkan pada 29 Oktober baru-baru ini telah memperuntukkan sebanyak RM1.53 bilion<sup>3</sup> bagi meneruskan program bantuan subsidi dan insentif kepada pengusaha tanaman padi yang bertujuan meningkatkan taraf ekonomi kira-kira 300,000 pesawah di seluruh negara, dengan mengurangkan kos mereka sehingga 60 peratus daripada jumlah keseluruhan kos pengeluaran padi.

23. Kerajaan juga sedang mengalihkan orientasi pemberian subsidi dan insentif daripada *input* kepada *output* secara

---

<sup>3</sup> <https://budget.mof.gov.my/2022/index.html> dan <https://web15.bernama.com/bm/am/news.php?id=2017155>

beransur-ansur, bertujuan menggalakkan peningkatan produktiviti pengeluaran padi dalam kalangan pesawah.

24. Pendekatan ini dijangka berupaya mewujudkan persekitaran industri kawal selia sendiri seterusnya mengurangkan pembabitan serta pemantauan kerajaan di sepanjang rangkaian pengeluaran padi.

**Keluarga Malaysia yang saya kasihi,**

25. Saya berharap agar jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam pengeluaran makanan negara dapat terus bekerjasama bagi memastikan sekuriti dan kemampunan makanan negara serta kesejahteraan rakyat Malaysia secara amnya adalah terjamin.
26. Selain itu, saya turut mengambil kesempatan ini melahirkan rasa bangga melihat kerjasama strategik rentas kementerian di antara MOSTI serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (atau MAFI) bagi benih padi IS21. Ini adalah bukti kesepakatan dan kebersamaan Keluarga Malaysia. Tahniah dan teruskan kerjasama erat ini.

**Keluarga Malaysia yang dikasihi,**

Sawah padi luas terbentang,  
Cantik warnanya di bawah mentari,  
IS21 bukan calang-calang,  
Benih padi nuklear dijamin berkualiti.

**27.** Tahniah kepada MOSTI dan Agensi Nuklear Malaysia di atas penghasilan varieti padi baharu ini. **Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan benih padi IS21.**

Sekian,

Wabillahi taufiq wal hidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.